



## **Faculty of Cognitive Science and Human Development**

**MINDA MANUSIA –**

**Pendapat Tokoh Barat Moden dan Ahli Falsafah Islam**

**Masirah Binti Mansor**

BF  
444  
M394  
2003

**KOTA SAMARAHAN  
2003**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

MINDA MANUSIA- Pendapat tokoh Barat Moden dan Ahli Falsafah Islam

Saya MASIRAH BINTI MANSOR

Mengaku membenarkan tesis \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:


1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*\*sila tandakan ( )

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di man penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Masirah  
(MASIRAH BINTI MANSOR)  
P.50 (F) Ulu Jempol  
26400 Bandar Jengka  
Pahang.

Disahkan oleh  
  
(EN ZAIMUARIFFUDIN SHUKRI NORDIN)

Tarikh: 11/11/03

Tarikh: 11 November 2003

Cacatan: \* Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan sarjana Muda

\* Jika tesis ini Sulit atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

MINDA MANUSIA – Pendapat Tokoh Barat Moden dan Ahli Falsafah Islam

P.KHIDMAT MAKLUMAT AKADEMIK  
UNIMAS



0000116058


Oleh

Masirah binti Mansor

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Sarjana Muda Sains dengan Kepujian  
(Sains Kognitif) dengan Kepujian  
Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia,  
Universiti Malaysia Sarawak

Projek bertajuk ‘MINDA MANUSIA- Pendapat Tokoh Barat Moden dan Ahli Falsafah Islam’ ini telah disediakan oleh Masirah binti Mansor telah disediakan kepada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia sebagai syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Kognitif).

Diterima untuk diperiksa oleh:



(En Zaimuariffudin Shukri B. Nordin )

4/11/2003 Tarikh:

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu setinggi-tinggi kesyukuran dan pujian kepada Yang Maha Esa kerana dengan limpah dan kurnianya dapat juga saya menyiapkan projek tahun akhir ini. Di kesempatan ini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia projek iaitu En. Zaimuariffudin Shukri b. Nordin kerana telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya selama tempoh saya menyiapkan projek tahun akhir saya ini. Segala budi dan jasa baik beliau akan dikenang dan hanya Tuhan Yang Maha Esa yang dapat membalaasnya.

Tidak lupa juga buat keluarga yang telah banyak membantu saya dengan memberi dorongan dan sokongan untuk menyiapkan projek tahun akhir ini.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama saling bantu membantu dalam proses menyiapkan projek tahun akhir ini.

Segala jasa baik dan pertolongan yang diberikan didahulukan dengan ucapan ribuan terima kasih.

## ABSTRAK

### MINDA MANUSIA – PENDAPAT TOKOH BARAT DAN AHLI FALSAFAH ISLAM

Masirah binti Mansor

Jiwa dan raga (*mind and body*) adalah salah satu bahagian perbincangan di dalam falsafah minda yang mana ia menyatakan tentang hubungan di antara jiwa dan raga (*mind and body*). Bagi projek tahun akhir saya ini, saya telah memilih untuk membincangkan mengenai pendapat-pendapat tokoh-tokoh falsafah barat moden dan pendapat tokoh Islam mengenai minda manusia. Sebagai mana yang diketahui ramai tokoh-tokoh dari barat dan tokoh-tokoh Islam yang telah memberikan pendapat masing-masing mengenai apakah yang dikatakan dengan minda. Tokoh-tokoh yang terlibat adalah seperti Rene Decrates, Gottfried Wilhelm Leibniz, Benedict Spinoza, Ibn Khaldun, Ibn Sina, Ibn Rusd, Imam Al-Ghazali dan sebagainya. Pendapat yang diberikan pula adalah berbeza-beza mengikut pandangan masing-masing.

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	iii
Isi kandungan	iv
Abstrak	v
<i>Abstract</i>	vi
<b>1. Pengenalan</b>	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Objektif Kajian	1
1.1.1 Objektif Umum	1
1.1.2 Objektif Khusus	1
1.2 Skop Kajian	3
1.3 Methodologi Kajian	3
1.4 Asal Kejadian Manusia	3-5
<b>2. Pendapat Tokoh Falsafah Islam dan Barat Moden Mengenai Minda Manusia</b>	
2.0 Pengenalan	6
2.1 Pendapat Tokoh Islam Mengenai Minda Manusia	6
2.1.1 Ibn Sina	7-8
2.1.2 Al-Farabi	8-9
2.1.3 Akal dan Pancaindera	9
2.1.4 Akal dan Tasawuf	10
2.1.5 Akal dan Nubuwah / Kenabian	10-11
2.2 Pendapat Tokoh Rasionalisme Mengenai Minda Manusia	11
2.2.1 René Descartes	12
2.2.1.1 Tabii Minda	12
2.2.1.2 Minda dan Nilai-Nilai	13
2.2.1.3 Minda dan Kefahaman	13
2.2.1.4 Minda dan Sesuatu / Benda	13
2.2.1.5 Minda dan Daya Pemikiran	13
2.2.1.6 Peraturan yang Menjadi Arahan kepada Minda	13-14
2.2.2 Gottfried Wilhelm Leibniz	14
2.2.2.1 Tabii Minda	14
2.2.2.2 Fungsi Minda	15-16
<b>3. Perbezaan di antara Pendapat Tokoh Falsafah Barat Moden dengan Tokoh Falsafah Islam Mengenai Minda Manusia</b>	
3.0 Pengenalan	17
3.1 Perbezaan di antara Pendapat Tokoh Rasionalisme dan Tokoh Islam Mengenai Minda Manusia	17
3.1.1 Minda Manusia dari Sudut Pandangan Falsafah Moden Barat	17
3.1.2 Minda Manusia dari Sudut Perspektif Islam	18-19
3.2 Batasan Minda / Akal Manusia	20-22
3.3 Agama dan Akal	22-24

3.4	Hubungan Islam dengan Sains dan Teknologi	24-25
4.	Kesimpulan	26
5.	Bibliografi	27

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.0 Pengenalan

Apakah yang dimaksudkan dengan minda? Secara umumnya, kita tahu bahawa minda merupakan sesuatu yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar atau lebih dikenali sebagai zat dan ianya berkait rapat dengan mental seseorang individu. Ia juga melibatkan suatu perasaan, perhatian, pengamatan, atau cara seseorang itu bersifir. Namun begitu, minda tidaklah tertumpu kepada suatu makna sahaja kerana terdapat pelbagai pendapat mengenai minda sama ada pendapat yang diberikan oleh tokoh-tokoh falsafah barat moden mahupun tokoh-tokoh Islam. Tokoh-tokoh tersebut mempunyai pendapat tersendiri dalam memberi maksud tentang minda melalui sudut pandangan masing-masing. Bagi ahli falsafah barat moden, secara umumnya mereka berpendapat bahawa minda merupakan sumber utama bagi ilmu pengetahuan manusia. Manakala dari sudut pandangan Islam, minda merupakan suatu anugerah yang dimiliki oleh setiap manusia yang mana ianya digunakan untuk berfikir dan mengkaji tentang sesuatu kejadian dengan berpandukan kitab suci Al-Quran dan As-Sunnah. (Islam dan Akal , 1995)

#### 1.1 Objektif Kajian

##### 1.1.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini menumpukan perhatian terhadap pendapat tokoh-tokoh Rasionalisme dan tokoh Islam mengenai minda manusia. Ia menghuraikan dapatan-dapatan kajian yang mana ianya akan membolehkan kita lebih memahami mengenai minda manusia.

##### 1.1.2 Objektif Khusus

Kajian ini menghuraikan perbezaan di antara pendapat tokoh-tokoh Rasionalisme dan tokoh Islam mengenai minda manusia. Perbezaan ini dilihat dari sudut pemikiran barat moden yang mana minda dikaji selaras dengan sains dan teknologi manusia. Manakala dari perspektif Islam, ianya dikaji berpandukan kitab suci Al-Quran dan Sunnah Rasulullah serta pendapat ulama'-ulama' terdahulu.

## **1.2 Skop Kajian**

Kajian ini lebih memfokuskan kepada konsep minda secara keseluruhannya. Ia menghuraikan tentang pendapat tokoh-tokoh Rasionalisme dan tokoh-tokoh Islam mengenai minda manusia. Kajian ini juga menghuraikan perbezaan pendapat tentang minda di antara ahli falsafah barat dan ahli falsafah Islam.

## **1.3 Methodologi Kajian**

Kajian mengenai minda ini dilihat dari dua perspektif iaitu dari sudut pemikiran barat moden dan perspektif Islam. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah secara penyelidikan kualitatif, pendekatan analitik dan deskriptif. Kajian yang dibuat adalah mengenai sejarah minda manusia yang selaras dengan teknologi masa kini dan berpandukan Al-Quran dan As-Sunnah. Selain itu, ia juga mengkaji tentang perbandingan serta penghujahan tokoh-tokoh barat dan tokoh Islam mengenai minda manusia. Bahan-bahan yang digunakan untuk kajian ini diperolehi dari Pusat Khidmat Maklumat Akademik (CAIS) UNIMAS dan Pustaka Negeri Sarawak.

## **1.4 Asal Kejadian Manusia**

Islam telah menyatakan bahawa manusia itu telah dijadikan oleh Allah dengan unsur-unsur yang kompleks tetapi teratur. Unsur-unsur seperti jasad dan roh saling berinteraksi dan mempengaruhi antara satu sama lain. Dengan adanya kedua-dua unsur tersebut iaitu jasad dan roh, manusia dikatakan cenderung untuk melakukan dua perkara iaitu sama ada melakukan kebaikan ataupun kejahanan. Dengan itu, Allah telah mengurniakan manusia dengan akal, agama dan iman sebagai panduan bagi menilai dan mengimbangi antara dua kecenderungan tersebut yang sering bercanggah antara satu sama lain. Dengan kurniahan akal tersebut, Allah menyuruh umatnya menggunakan akal dengan sebaik-baiknya untuk berfikir dan seterusnya melakukan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kebaikan kepada diri masing-masing.

Bagi menjelaskan lagi kenyataan mengenai kejadian manusia daripada dua unsur ini, di dalam Al-Quran terdapatnya ayat-ayat yang menyentuh hal ini, sebagai contoh ayat Al-Quran daripada surah al-Shad ayat 71-72 yang bermaksud:

*"Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat : Sesungguhnya Aku akan menciptakan manusia dari tanah. Maka apabila telah Ku sempurnakan kejadiannya dan Ku tiupkan kepadanya roh ciptaanKu, maka hendaklah kamu bersujud kepadanya".*

Daripada maksud ayat di atas jelas bahawa kejadian manusia itu adalah berasal dari unsur tanah yang mana ianya memberi kesan kepada pembentukan fizikal atau jasad dan kemudiannya ditüpkan roh ke dalam jasad tersebut.

Menurut apa yang dikatakan di dalam buku Kontemporari Islam (1996), segala matlamat fizikal adalah semata-mata bersifat ingin memenuhi kehendak dan nalurinya tanpa menghiraukan batasannya. Malah naluri manusia itu sendiri juga dikatakan sukaan suatu kesenangan, kenikmatan dan hiburan.

Sementara itu, unsur roh pula adalah sesuatu yang bersifat spiritual dan memberi kecenderungan kepada manusia untuk bersifat mulia, suci dan sentiasa mengikut kebenaran. Roh ini pula dikatakan terdiri daripada dua unsur yang dominan iaitu akal dan nafsu.

Dalam memperkatakan hal berkenaan dengan roh, roh merupakan suatu unsur yang suci tetapi ianya boleh dicemari dan dikuasai oleh nafsu yang mana nafsu tersebut terlebih dahulu akan menguasai akal yang lemah. Apabila ini terjadi roh akan menjadi jahat, rosak dan binasa.

Sebaliknya, sekiranya nafsu dapat dikuasai oleh akal yang waras dan positif maka akan wujudlah roh yang baik dan mempunyai ketenangan dalam setiap apa yang dikerjakan.

Selain itu, menurut Imam Al-Ghazali dalam penelitiannya tentang martabat jiwa dalam Al-Quran telah mendapati bahawa berdasarkan kajayaan atau kegagalan manusia dalam menangani konflik antara aspek material dan spiritual telah meletakkan mereka pada martabat yang tertentu.

Menurutnya lagi, jiwa yang ada di dalam diri manusia ini terdapat tiga peringkat yang mana peringkat pertama dikenali sebagai ‘nafsu yang menyuruh kepada kejahatan’. Pada peringkat ini, individu berkenaan sentiasa cenderung untuk melakukan kejahatan dan menuruti segala keinginan jahat dan kehendak fizikalnya tanpa batasan. Jiwa pada peringkat ini beranggapan bahawa mereka telah dijadikan dengan naluri yang cenderung melakukan kejahatan.

Pada peringkat kedua, jiwa ini dikenali sebagai ‘jiwa yang menyesali dirinya sendiri’. Jiwa ini dikatakan telah menggunakan akalnya dengan waras dan mampu menahan diri daripada melakukan sebarang kejahatan. Namun begitu, jiwa di peringkat ini tidaklah begitu kuat dan kadang kala ia juga boleh terjerat untuk melakukan kejahatan. Apabila ini berlaku, ia akan menyedari kesilapan yang dilakukannya lalu memohon keampunan daripada Allah.

Sementara itu, jiwa di peringkat ketiga pula merupakan suatu jiwa yang dikenali sebagai ‘jiwa yang tenang’. Jiwa pada peringkat ini telah berjaya sepenuhnya mendidik dan menguasai keinginan jahatnya dan menerima segala ajaran yang baik dan bermoral. Jiwa ini juga dikatakan sentiasa tenang kerana mampu menyelesaikan konflik yang berlaku hasil dari pertembungan dan percanggahan matlamat dan cara bagi memenuhi tuntutan fizikal dan spiritualnya. Selain itu, jiwa di peringkat ini adalah jiwa yang sihat kerana keupayaannya dalam menggunakan akal fikiran secara rasional dan berjaya mendidik segala keinginannya untuk perkara yang positif serta menjadikan agama sebagai landasan bagi mengukuhkan lagi ketakwaan kepada Allah.

Konsep yang disebutkan di atas ternyata bercanggah sekali dengan teori yang telah dikeluarkan oleh seorang pakar psikiatri iaitu Sigmund Freud (Kontemporari Islam, 1996) yang telah mengasaskan konsep psikoanalisis, di mana beliau berpendapat bahawa manusia itu sepanjang hidupnya sentiasa melakukan kejahatan dan kerosakan kerana sememangnya asal kejadian jiwa mereka yang lebih cenderung untuk melakukan kejahatan dan mereka sendiri tidak berupaya untuk menghalang atau mengawal perbuatan tersebut.

Menurutnya lagi, tingkah laku seseorang individu itu bukan dikawal oleh kekuatan intelek tetapi oleh naluri asas yang menjadi asas kepada kemahuan fizikal dan keinginan jahat yang mereka tidak sedari.

Di samping itu, Freud telah mengklasifikasikan jiwa kepada tiga bahagian iaitu 'Id', 'Superego' dan 'Ego'. 'Id' merupakan jiwa yang fungsinya mirip kepada jiwa yang cenderung kepada kejahanan yang mana ia merupakan kemahuan dari fizikal yang berorientasikan kepada keseronokan semata-mata. Sementara 'Superego' pula mirip kepada 'jiwa yang menyesali diri sendiri', bertindak atas dasar prinsip moral di mana ia merupakan refleksi nilai, etika dan norma masyarakat yang mengawasi dan mengkritik kesalahan manusia agar selaras dengan kchendak masyarakat. Manakala 'Ego' pula mirip kepada 'jiwa yang tenang' dan berfungsi memberi persamaan antara tuntutan 'Id' dan 'superego' berdasarkan prinsip agama dan nilai moral masyarakat yang rasional.

Selain itu, Freud tidak mengiktiraf agama, malah menganggapnya sebagai satu ilusi sekalipun teori Ego dan Superegonya ada menyentuh tentang nilai agama dan moral. Bagi Freud manusia sentiasa berkonflik dan kebebasan memilih adalah satu mitos kerana naluri manusia pada asalnya memang jahat dan tingkahlaku mereka seterusnya akan menjurus ke arah kejahanan. Anggapan ini memberi alasan untuk mereka terus bergelumang dengan kejahanan dan maksiat.

## Bab 2

### Pendapat Tokoh Falsafah Islam dan Barat Moden Mengenai Minda Manusia

#### 2.0 Pengenalan

Di dalam bab ini, kita akan melihat pendapat-pendapat yang telah dikemukakan oleh tokoh-tokoh falsafah Islam dan Barat moden mengenai minda manusia.

#### 2.1 Pendapat Tokoh Islam Mengenai Minda Manusia

Dari perspektif Islam, ahli-ahli falsafah Islam lebih cenderung melihat kegunaan dan keistimewaan akal itu seperti mana yang telah dikatakan di dalam ayat-ayat Al-Quran dan hadis. Al-Quran melalui sebahagian daripada ayat-ayatnya telah memperingatkan kita untuk menggunakan untuk berfikir dan menyelesaikan masalah yang timbul dalam kehidupan seharian (Sejarah Falsafah Islam, 1989) dan juga terdapat hadis-hadis yang memperkatakan mengenai akal manusia. Antaranya seperti dinyatakan di dalam buku Rasulullah s.a.w telah bersabda yang maksudnya :

*“Manusia yang terbaik di dunia dan di akhirat adalah orang yang paling sempurna akalnya, walaupun tidak sehebat dalam ibadahnya.”*

Di dalam hadis-hadis itu terdapat juga sabdanya:

*“Sesungguhnya seorang lelaki itu tidak termasuk golongan yang berpuasa atau solat atau haji dan juga ahli jihad, pada hari kiamat, dia tidak akan mendapat pahala kecuali kemampuan akalnya.”*

Daripada hadis di atas kita dapat mengetahui bahawa Rasulullah s.a.w sendiri telah bersabda dengan menyatakan bahawa manusia yang terbaik di dunia dan di akhirat adalah orang yang paling sempurna akalnya dan dalam satu hadis yang lain beliau menyatakan bahawa setiap yang dilakukan oleh manusia itu adalah bergantung kepada kemampuan akal yang dimilikinya.

Selain itu, ahli falsafah Islam juga berpendapat bahawa perbezaan di antara manusia dan haiwan adalah dari segi akalnya. Manusia adalah jauh lebih tinggi martabatnya yang mana manusia telah dikurniakan otak serta akal untuk berfikir berbanding dengan haiwan yang juga mempunyai otak tetapi tidak mempunyai akal fikiran.

Sementara itu, salah seorang tokoh dari kumpulan muktazilah iaitu Basyar Ibn Al- Mu'tamad yang berasal dari Baghdad (Sejarah Falsafah Islam, 1983) telah

mengemukakan satu syair yang menyentuh soal minda atau akal manusia. Syair tersebut berbunyi :

*"Akal yang mampu berfikir yang memecahkan masalah itu adalah anugerah Allah yang Maha Pemberi kemudahan dan kesusahan."*

*"Kerana akal itulah, hakim boleh menganalogikan keputusan yang belum ditetapkan dengan yang sudah ditetapkan."*

*"Akal berfungsi untuk membezakan di antara yang baik dan yang buruk."*

*"Kerana akallah, manusia itu dimuliakan, dibersihkan dan disucikan oleh Tuhan: Allah."*

Daripada syair tersebut jelas bahawa Basyar Ibn al-Mu'tamad mengakui bahawa akal itu adalah suatu anugerah daripada Allah yang mana ianya digunakan untuk membezakan sesuatu perkara yang baik dan yang buruk dan dengan akal itu jugalah manusia itu dikatakan makhluk yang paling mulia di sisi Tuhan. Al-Quran itu sendiri ada menyebut tentang perintah kepada umatnya supaya menggunakan akal dan mencela orang yang kurang menggunakan akal seperti di dalam surah 45 ayat 5 dan 13 atau surah 3 ayat 190-191 (Sejarah Falsafah Islam, 1989).

### 2.1.1 Ibn Sina

Ibn Sina merupakan salah seorang ahli falsafah Islam yang terkenal suatu masa dahulu di kalangan ahli falsafah Islam mahupun tokoh falsafah Barat. Beliau telah dilahirkan di Afsyanah dan mula berminat dengan falsafah setelah berpindah ke Bukhara bersama keluarnya (Sejarah Falsafah Islam, 1989). Kisah hidup beliau adalah amat menarik di mana menjelang usia sepuluh tahun beliau telah menunjukkan prestasi yang luar biasa di mana pada usia yang begitu muda beliau telah berjaya khatam Al-Quran dan sebahagian besar sastera Arab. Seterusnya pada usia enam belas tahun beliau telah pun diterima untuk menjadi penasihat kepada kebanyakan doktor pada masa tersebut. Kemudiannya, pada usia lapan belas tahun pula beliau telah berjaya menguasai ilmu logik, fizik dan matematik dengan jayanya. Beliau akhirnya meninggal dunia dalam usia lima puluh lapan tahun iaitu pada tahun 1073.

Menurut Ibn Sina di dalam buku Sejarah Falsafah Islam yang diterbitkan pada tahun 1989, beliau telah meletakkan akalbudi itu secara berperingkat-peringkat dimana peringkat yang teratas adalah akalbudi suci yang mana akalbudi suci ini adalah berkait rapat dengan hal kenabian. Kemudiannya, terdapatnya akalbudi habitual dan seterusnya adalah akalbudi material. Di bawah akalbudi material pula terdapatnya akalbudi praktik, kecekapan, ingatan, imaginasi dan akhirnya adalah akalbudi yang berkaitan dengan memberi makanan atau  *nutritive*.

Dalam penerangan beliau mengenai peringkat-peringkat akalbudi ini juga turut dinyatakan di dalam buku yang sama di mana menurut Ibn Sina, akal budi suci adalah sesuatu yang bersangkutan paut dengan teori kenabian. Beliau menganggap bahawa kenabian adalah berasal dari akalbudi yang suci yang mana ianya dapat mencapai suatu tahap yang tinggi oleh akal manusia. Ia bertentangan dengan pendapat al-Farabi yang telah menganggap bahawa kenabian itu adalah berasal dari kesempurnaan kesanggupan

imaginatif yang luar biasa. Namun begitu, Ibn Sina tidak menafikan bahawa akal budi suci yang dimiliki oleh nabi juga tidak mampu untuk mengetahui sesuatu yang berlaku di alam ghaib seperti syurga , neraka an sebagainya.

Justeru itu, Ibn Sina telah membahagikan manusia itu di dalam empat kelompok yang tertentu iaitu:

- i. Kelompok pertama, mereka yang kecekapan teorinya telah mencapai tingkat penyempurnaan yang paling tinggi sehingga tidak memerlukan lagi mana-mana guru dari kalangan manusia.
- ii. Kelompok kedua, mereka yang kecekapan praktiknya telah mencapai suatu puncak yang tinggi sehingga mereka berusaha untuk mengkaji tentang kejadian-kejadian aneh yang berlaku di muka bumi ini.
- iii. Kelompok ketiga pula, merupakan kelompok di mana sekumpulan manusia yang memiliki kesempurnaan daya intuitif tetapi tidak mempunyai daya imaginatif. Golongan ini juga dikenali sebagai suatu golongan yang mempunyai daya teori yang sempurna tetapi tidak praktik.
- iv. Kelompok terakhir adalah suatu golongan yang saling berkerjasama dalam daya praktik mereka di mana kelompok ini merupakan golongan yang paling rendah tahapnya di antara keempat-empat kelompok yang dinyatakan.

Kesimpulan yang dapat dinyatakan di sini ialah, menurut Ibn Sina manusia itu adalah terdiri daripada empat kelompok yang berbeza-beza dan mempunyai fungsi tertentu mengikut kelompok masing-masing.

### 2.1.2 Al-Farabi

Al-Farabi juga merupakan salah seorang ahli falsafah Islam yang terkenal di mana beliau juga turut melibatkan diri dalam menyatakan pendapat beliau mengenai akal manusia atau yang lebih dekenali olehnya sebagai akalbudi. Beliau merupakan seorang ahli falsafah Islam yang berasal dari Farab di Tranxosania (Sejarah Falsafah Islam, 1989). Beliau telah dibesarkan di Damsyik dan selalu menghabiskan masanya dengan membaca buku-buku yang berkaitan dengan falsafah.

Menurut Al-Farabi, akalbudi boleh dilihat dari tiga sudut yang berbeza tetapi mempunyai hubungkait di antara satu sama lain iaitu epistemologik, kosmologik dan metafizik. Dalam hal tersebut, beliau menyatakan bahawa jalan terakhir untuk mencapai kebahagiaan adalah dengan memiliki akalbudi yang aktif adalah melalui sukarela, intelektual dan badan yang mana ketiga-tiga yang tersebut adalah bersesuaian dengan kecabitian yang diperlukan dalam diri setiap insan iaitu moral, intelektual dan artistik.

Selain tokoh falsafah Islam yang terkenal seperti Ibn Sina dan Al-Farabi terdapat juga seorang ahli pemikir Islam yang turut sama memberi pendapatnya mengenai minda manusia. Ahli pemikir yang dimaksudkan ialah Al-Ghazali atau lebih dikenali sebagai Imam Al-Ghazali. Beliau merupakan seorang ahli pemikir Islam yang berminat untuk mengkaji mengenai minda manusia. Dalam kajianya, beliau telah

mengaitkan minda manusia dengan beberapa perkara tertentu seperti akal dan pancaindera, akal dan tasawuf dan akal dan Nubuwwah / kenabian. (Antara Falsafah Islam dan Falsafah Moden Barat).

### 2.1.3 Akal dan Pancaindera

Al-Ghazali dalam kajiannya telah mengemukakan pendapatnya mengenai bakat kemampuan akal dan daya pancaindera mata yang mana ianya terdapat di dalam bukunya yang bertajuk "Mishkat al-Anwar". (Antara Falsafah Islam dan Falsafah Barat, 1983). Menurut beliau akal merupakan sesuatu yang unik yang mana kemampuan akal itu dikatakan dapat mengatasi daya penglihatan mata iaitu pancaindera kita. Di dalam buku yang sama juga terdapat hujah-hujah beliau yang dijadikan sebagai bukti tentang kemampuan akal manusia berbanding daya penglihatan seseorang individu. Hujah beliau adalah:

Pertama: Al-Ghazali berpendapat bahawa penglihatan mata seseorang individu itu adalah terbatas sedangkan akal pula adalah sebaliknya. Maksudnya di sini adalah pandangan yang boleh dilihat oleh akal adalah lebih jauh berbanding dengan pandangan mata. Ini kerana akal dapat memikirkan sesuatu yang ada di dalam dirinya dan diri orang lain sedangkan pandangan mata hanya tertumpu kepada had-had yang tertentu sahaja.

Kedua: Dari segi jarak, mata tidak dapat melihat sesuatu yang sangat hampir ataupun sesuatu yang sangat jauh sedangkan faktor jarak tidak memberi kesan kepada daya kemampuan akal.

Ketiga: Daya penglihatan mata tidak dapat menembusi sesuatu yang terselindung sedangkan akal pula dapat memikirkan segala persepsi yang terdapat di muka bumi dan di langit.

Keempat: Beliau juga menyatakan bahawa mata hanya dapat melihat sudut yang lahir pada sesuatu benda sahaja sementara akal pula dapat menembusi ke sudut yang batin bagi segala sesuatu. Maksudnya di sini, akal itu mampu memikirkan sesuatu bagi mengetahui hakikat sesuatu perkara, matlamat dan makna di sebalik sesuatu kejadian itu.

Kelima: Mata tidak dapat melihat kecuali sesuatu yang wujud sahaja. Maksudnya di sini, mata tidak dapat mempersepsikan sesuatu yang bersifat kebatilan seperti suara, deria bau, rasa suka dan duka, rasa kasih sayang dan sebagainya sedangkan akal dapat memikirkan mengenai perkara-perkara tersebut.

Keenam: Mata tidak terdaya untuk melihat sesuatu yang bersifat terbatas seperti dua kuasa tiga sama dengan berapa? Pada pandangan mata, ia hanya dapat dilihat dua kuasa tiga tetapi tidak tahu apakah jawapannya sedangkan akal pula dapat memikirkan jawapan bagi permasalahan tersebut.

Ketujuh: Menurut beliau lagi, penglihatan mata itu banyak tertipu oleh pancaindera sedangkan akal pula adalah sebaliknya yang mana ianya bebas daripada dikuasai oleh pancaindera.

Daripada ketujuh-tujuh perbandingan yang dibuat, menurut pandangan Al-Ghazali (Falsafah Islam dan Falsafah Barat, 1983) akal itu merupakan sesuatu yang

sempurna di mana ianya tidak dikuasai oleh sesuatu yang lain seperti pancaindera. Namun begitu, beliau tidak menafikan akal juga mempunyai batasannya yang tersendiri. Seperti mana yang dinyatakan bagi hujah yang ketiga iaitu akal dapat mengetahui segala yang di muka bumi namun akal tidak dapat memikirkan tentang zat ketuhanan dan alam ghaib yang mana zat ketuhanan dan alam ghaib itu adalah sesuatu yang di luar kemampuan akal manusia.

Menurutnya lagi, hubungan antara akal dan pancaindera dapat dilihat dari dua sudut yang berbeza iaitu sudut yang pertama di mana akal perlu membebaskan dirinya daripada dipengaruhi oleh pancaindera namun dari satu sudut yang lain akal sebenarnya memerlukan pancaindera di mana pancaindera tersebut merupakan jalan perhubungan di antara akal dan persekitaran. Maksudnya di sini, akal manusia memerlukan pancaindera untuk mendapatkan maklumat –maklumat yang tertentu sebelum ianya dihantar kepada akal untuk dikaji dan dinilai.

#### 2.1.4 Akal dan Tasawuf

Bagi akal dan tasawuf pula, al-Ghazali telah menyatakan di dalam buku yang sama iaitu Falafah Islam dan Falsafah Barat bahawa peranan akal dalam perkara yang berhubung dengan tasawuf dapat dilihat dari dua sudut pandangan iaitu:

Pertama: akal seseorang boleh menjadi sempurna sekiranya dapat memenuhi tiga syarat yang tertentu seperti yang dikatakan oleh al-Ghazali iaitu:

- i. dapat menghasilkan segala bidang ilmu dan mengambil sebanyak-banyak ilmu daripada ilmu-ilmu tersebut
- ii. akal boleh menjadi sempurna melalui latihan yang jujur dan benar
- iii. akal juga dapat menjadi sempurna dengan memikirkan sesuatu dengan lebih mendalam dan terperinci

Kedua: penilaian ke atas pengalaman dan membawanya ke jalan yang lurus. Maksudnya di sini, melalui pengalaman seseorang itu akan membuat penilaian dan penelitian terhadap sesuatu perkara dengan menggunakan akal fikiran dan juga seterusnya dapat membimbing diri masing-masing ke arah kebaikan.

#### 2.1.5 Akal dan Nubuwwah / Kenabian

Menurut Al-Ghazali manusia akan melalui peringkat perkembangan akal yang berbeza di antara satu sama lain. Terdapat tiga peringkat perkembangan yang dinyatakan di mana peringkat yang pertama ialah peringkat persepsi melalui jalan pancaindera yang lima di mana pada peringkat ini akal akan menerima segala bentuk maklumat yang di ambil oleh pancaindera daripada persekitaran. Pada peringkat kedua, manusia akan melalui peringkat persepsi melalui jalan bakat yang dapat membezakan antara sesuatu perkara yang baik dan buruk. Manakala peringkat yang ketiga adalah peringkat melalui jalan akal yang mana Al-Ghazali menyatakan bahawa tugas akal adalah memandu manusia mengenal Allah dan memahami wahu yang diturunkannya. Di dalam hal tersebut Al-Ghazali ada menyatakan:

*“Ringkasnya, para nabi adalah sebagai tabib kepada penyakit hati, manakala akal dan urusannya adalah untuk memperkenalkan kita kepada-Nya dan menjadi saksi atau kebenaran dan menjadi saksi kepada kelemahan dirinya untuk mengetahui apa yang dapat diketahui oleh kenabian.”*

Dengan ini maka dinyatakan bahawa tugas akal adalah untuk memandu kita kepada kebenaran dan memudahkan kita untuk memahami kandungan-kandungan wahyu tersebut.

Apa yang dapat disimpulkan di sini adalah, tokoh falsafah barat moden lebih cenderung memberi pendapat mereka mengenai akal manusia melalui kajian-kajian saintifik yang telah dilakukan berbanding ahli falsafah Islam yang lebih melihat kepada hukum ketuhanan dan pandangan dari sudut agama Islam. Bagi tokoh falsafah barat moden, mereka percaya bahawa minda itu merupakan suatu jiwa atau roh yang mana jiwa dan roh ini adalah sesuatu yang halus yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan dimiliki oleh setiap individu.

Manakala ahli falsafah Islam pula percaya bahawa minda itu merupakan kurniaan Allah kepada manusia yang mana dengan adanya minda tersebut manusia dapat dibezakan daripada haiwan. Minda juga dikatakan sebagai pengawal kepada nafsu manusia dan juga bertindak sebagai pengawal kepada setiap tingkah laku seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara. Seperti mana yang disebut di dalam buku Kontemporari Islam (1996) bahawa Tuhan Yang Bijaksana telah menjadikan manusia dengan suatu kejadian yang amat unik, mengandungi unsur-unsur rohani dan jasmani di mana unsur rohani mempunyai kecenderungan kepada keagamaan dan kebaikan manakala unsur jasmani pula seperti nafsu yang amat cenderung kepada kejahatan dan kerosakan. Malah Allah juga telah mengurniakan manusia dengan akal bagi menilai tindakan yang sewajarnya perlu diambil manakala agama pula dijadikan landasan dan panduan oleh akal dalam proses penilaian dan membuat keputusan.

## 2.2 Pendapat Tokoh Rationalisme Mengenai Minda Manusia

Tokoh Rationalisme terdiri daripada tokoh-tokoh falsafah barat moden yang tergolong dalam aliran Rationalisme yang mana aliran Rationalisme merupakan aliran pertama yang memberi ulasan mengenai minda manusia dan mengagungkan keupayaan minda manusia dalam sesuatu sejarah pemikiran. Aliran tersebut berpendapat bahawa sumber utama sesuatu ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang individu adalah daripada minda individu itu sendiri. (Falsafah Minda, 2000).

Selain itu, tokoh-tokoh Rationalisme ini juga telah mengemukakan konsep-konsep tertentu yang berkaitan dengan minda manusia. Di antara konsep-konsep tersebut ialah:

- i. Minda sememangnya wujud dan ianya dimiliki oleh setiap individu
- ii. Minda tidak dapat dilihat dan ianya diatur melalui pergerakan seseorang individu
- iii. Minda manusia mampu untuk memahami keadaan alam semesta melalui kajian-kajian yang dibuat secara saintifik dan sebagainya
- iv. Minda dapat digunakan dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan suatu pemikiran yang terang dan jelas mengenai alam semesta dan sebagainya
- v. Minda manusia mempunyai idea-idea tertentu yang mana idea-idea tersebut dimiliki oleh setiap individu secara semulajadi.

Terdapat ramai tokoh-tokoh falsafah barat moden yang memberikan pendapat masing-masing mengenai minda manusia dan antara tokoh yang terkenal dan termasyhur adalah Rene Descrates yang merupakan pengasas kepada aliran Rationalisme dan Gottfried Wilhelm Leibniz.

### 2.2.1 Rene Descartes

Rene Descartes merupakan salah seorang tokoh falsafah barat moden yang telah mengemukakan pendapat tersendiri mengenai minda manusia. Beliau telah dilahirkan di Chatellerault, France pada tahun 1596 dan meninggal dunia pada tahun 1650.

Menurut Rene Descartes beliau percaya bahawa persekitaran kita adalah terdiri daripada sesuatu benda atau bahan sedangkan minda manusia adalah terbentuk daripada suatu jiwa atau roh. Jiwa atau roh ini merupakan sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar tetapi ianya dimiliki oleh setiap individu. Menurut beliau, jiwa dan raga (*mind and body*) adalah sesuatu yang berkait rapat dan seseorang individu masih boleh hidup tanpa hadirnya minda tetapi ia adalah berbeza dengan seseorang yang mempunyai minda.

Selain itu, dalam menyatakan pendapatnya mengenai minda manusia, beliau telah membahagikannya kepada beberapa bahagian dan juga menyentuh mengenai hubungan minda dengan perkara-perkara lain yang berlaku dalam kehidupan sehari-hari. Antaranya ialah tabii minda, minda dan nilai-nilai, minda dan kefahaman, minda dan sesuatu / benda, minda dan pemikiran dan yang terakhir adalah peraturan untuk menjadi arahan kepada minda. (Falsafah Minda, 2000)

#### 2.2.1.1 Tabii Minda

Bagi menyatakan pendapat mengenai tabii minda, Rene Descartes percaya bahawa minda merupakan suatu zat yang berfikir (*thinking substance*) di mana setiap individu pasti memiliki zat itu dan boleh berfikir mengenai apa yang terjadi di dalam dan di luar persekitaran mereka. Apabila seseorang individu itu sentiasa menggunakan mindanya untuk berfikir secara tidak langsung ia akan merangsang minda tersebut untuk terus berkembang dari semasa ke semasa. Pengembangan minda seseorang individu juga dikatakan sebagai suatu zat yang berkembang dan Rene Descartes menyatakan bahawa kedua-dua zat itu iaitu zat yang berfikir dan zat yang berkembang tidak wujud dengan sendirinya (Falsafah Minda, 2000). Maknanya di sini, minda seseorang individu itu sebenarnya merupakan suatu zat yang telah dicipta oleh seorang pencipta. Beliau juga menyatakan bahawa minda manusia adalah sesuatu yang halus, tidak boleh dirasa dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Ia merupakan suatu zat yang sukar untuk dikaji kerana minda manusia tidak semestinya mempunyai bahan untuk dikaji disebabkan oleh minda itu sendiri mempunyai idea-idea yang mana idea-idea yang terdapat di dalam minda itu tidak semestinya sama dengan idea-idea yang dikeluarkan daripada minda tersebut.

#### 2.2.1.2 Minda dan Nilai-Nilai

Bagi perbincangan mengenai minda dan nilai-nilai, Rene Descartes percaya bahawa minda seseorang individu itu mempunyai nilai-nilai yang tertentu seperti kemahuan (*willing*), keazaman (*desiring*), mengharap (*hoping*), tanggapan (*perceiving*) dan berfikir (*thinking*). Setiap individu pasti mempunyai kemahuan tersendiri dalam sesuatu perkara tertentu seperti kemahuan untuk belajar, kemahuan bersosial dan sebagainya. Selain kemahuan dalam diri masing-masing, setiap individu itu juga pasti ada keazaman yang tinggi tidak kira lalih sama ada keazaman untuk berjaya dalam kehidupan ataupun keazaman dalam perkara-perkara lain mengikut kemahuan mereka yang tersendiri. Apabila seseorang individu itu mempunyai kemahuan dan keazaman yang tinggi, individu tersebut pasti mengharapkan sesuatu yang positif yang dapat memuaskan hati dan diri mereka sendiri serta persekitaran mereka. Selain itu, setiap individu juga mempunyai tanggapan tersendiri mengenai sesuatu perkara dan ini akan membawa kepada nilai berfikir (*thinking*) di mana individu tersebut akan menggunakan minda mereka untuk berfikir dalam membuat sesuatu tanggapan terhadap sesuatu perkara yang tertentu.

#### **2.2.1.3 Minda dan Kefahaman**

Sifat memahami merupakan sesuatu yang penting yang harus ada dalam diri seseorang individu. Ini adalah kerana kefahaman merupakan salah satu nilai yang terdapat dalam minda seseorang individu di mana individu tersebut perlu menggunakan minda mereka bagi memahami sesuatu perkara yang terjadi. Menurut beliau, kefahaman terbahagi kepada dua iaitu berfikir (*thinking*) dan deria rasa (*sensing*). Kedua-dua kefahaman tersebut adalah berbeza di mana berfikir adalah suatu kesedaran mengenai diri sendiri manakala deria rasa pula adalah berkait rapat dengan persekitaran mereka.

#### **2.2.1.4 Minda dan Sesuatu / Benda**

Selain berkait rapat dengan kefahaman, minda juga mempunyai perkaitan dengan sesuatu / benda yang mana sesuatu benda tersebut adalah penting kepada minda bagi mengetahui sesuatu perkara yang berlaku dan alat penghubung di antara minda dan benda adalah idea. Maksudnya di sini, sesuatu idea yang dimiliki oleh seseorang individu itu, dianggap sebagai suatu ‘keadaan’ di dalam minda mereka.

#### **2.2.1.5 Minda dan Daya Pemikiran**

Daya pemikiran atau sesuatu buah fikiran itu terletaknya di dalam minda manusia. Ia merupakan sesuatu yang pelbagai dan setiap individu pasti mempunyai fikiran masing-masing.

#### **2.2.1.6 Peraturan yang Menjadi Arahan kepada Minda**

Selain daripada menghubungkaitkan minda dan alam persekitaran, Rene Descartes juga telah membentuk peratura-peraturan (*rules*) tertentu yang mana peraturan-peraturan tersebut menjadi arahan kepada minda manusia (*the direction of mind*). Di antara peraturan-peraturan tersebut ialah :

Peraturan pertama : persoalan atau pertanyaan terhadap sesuatu perkara yang dikaji mestilah diarahkan kepada sesuatu yang boleh dicapai atau boleh diperolehi

dengan jelas serta mudah difahami. Maksudnya di sini ialah pemikiran seseorang individu itu haruslah mempunyai maksud yang jelas tanpa dipengaruhi oleh persekitaran dan keadaan sekeliling dan pemikiran itu juga bukan suatu tanggapan kosong.

Peraturan kedua : kaedah yang pasti dan peraturan-peraturan yang mudah. Dalam kehidupan kita sehari-hari kita sebenarnya memerlukan suatu kaedah yang tertentu untuk mencari sesuatu kebenaran di dalam sesuatu perkara. Kaedah ini diperlukan supaya seseorang individu itu tidak tersilap di dalam membuat sesuatu keputusan terhadap sesuatu perkara yang dikaji.

Peraturan ketiga : penerangan kepada kaedah yang digunakan. Bagi René Descartes, beliau lebih suka menggunakan kaedah deduktif dalam sesuatu kajian yang dibuat. Contohnya, memulakan kajiannya dengan menjawab persoalan-persoalan yang mudah dan seterusnya dengan persoalan-persoalan yang lebih kompleks. Setiap penerangan atau jawapan terhadap persoalan-persoalan yang dikemukakan mestilah teratur dan disusun secara sistematik.

Peraturan keempat : peraturan keempat adalah ekoran daripada peraturan ketiga di mana kita perlu membuat perbezaan di antara perkara-perkara yang mudah dan kompleks dengan memulakan langkah memilih fakta-fakta yang mudah sebelum memilih langkah-langkah yang lebih sukar atau rumit.

Peraturan-peraturan tersebut ada di sebut di dalam buku Falsafah Minda yang telah dikarang oleh Prof. Madya Dr. Mohammed Yusoff Hussain pada tahun 2000.

## 2.2.2 · Gottfried Wilhelm Leibniz

Selain René Descartes, seorang lagi tokoh falsafah barat yang memberikan pendapatnya tentang minda adalah Gottfried Wilhelm Leibniz.

Gottfried Wilhelm Leibniz di lahirkan pada tahun 1646 di Leipzig dan meninggal dunia pada tahun 1716. Beliau merupakan seorang pemegang ijazah dalam bidang kedoktoran di Universiti altdorf pada tahun 1666. Dalam memberikan pendapatnya mengenai minda manusia beliau telah membahagikannya kepada dua bahagian iaitu tabii minda dan fungsi minda (Falsafah Minda, 2000).

### 2.2.2.1 Tabii Minda

Menurut Gottfried Wilhelm Leibniz setiap benda yang wujud di dunia ini terbahagi kepada kepada dua jenis iaitu bernyawa dan tidak bernyawa. Setiap benda itu pula tidak kira sama ada bernyawa atau tidak bernyawa pasti mempunyai roh atau minda. Menurut beliau lagi, setiap minda yang dimiliki adalah dicipta dan minda tersebut boleh berfikir mengenai sesuatu perkara yang terjadi di persekitaran mereka.

#### 2.2.2.2 Fungsi Minda

Menurut Gottfried Wilhelm Leibniz fungsi utama bagi minda seseorang individu adalah berfikir bagi mencari kebenaran mengenai sesuatu yang berada dalam dirinya dan di luar dirinya. Seseorang individu itu mungkin mempunyai minda yang kurang aktif atau minda yang mampu berfikir secara mendalam tentang sesuatu perkara yang unik. Minda yang kurang aktif merupakan minda yang hanya mampu untuk memikirkan perkara-perkara yang mudah seperti yang berlaku dalam kehidupan kita sehari-hari. Contohnya apabila seseorang itu lapar dia akan berfikir apakah yang hendak dimakan bagi menghilangkan rasa lapar tersebut. Sementara itu, minda yang aktif pula adalah minda yang mampu memikirkan sebab-sebab terhadap sesuatu kejadian yang berlaku di persekitaran kita. Contohnya, adakah benar bumi ini berbentuk bulat? atau apakah yang menyebabkan terbentuknya pelangi? Daripada soalan-soalan yang timbul seseorang itu akan menggunakan minda mereka bagi mencari jawapan atau kebenaran mengenai perkara tersebut.

Sehubungan dengan itu, dalam mencari kebenaran terhadap sesuatu persoalan minda memerlukan bantuan daripada pancaindera di mana pancaindera memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat kepada minda. Sebagaimana yang kita telah sedia maklum setiap individu mempunyai lima pancaindera iaitu mata yang digunakan untuk melihat, telinga untuk mendengar, hidung untuk deria bau, lidah untuk merasa dan tangan bagi deria sentuhan. Kelima-lima pancaindera ini digunakan dengan sebaiknya bagi mencari jawapan yang tepat bergantung terhadap sesuatu perkara yang diutarakan atau dikaji.

Selain itu, kebenaran-kebenaran yang dicari oleh minda juga boleh diperolehi melalui dua cara yang biasa digunakan iaitu pertama melalui kefahaman (*understanding*) dan pengalaman (*experience*) dan yang kedua melalui pemerhatian yang dibuat atau penelitian pancaindera (*sense observation*).

Menurutnya lagi, minda dapat menghasilkan suatu idea yang disebut sebagai suatu refleksi atau pantulan terhadap sesuatu perkara. Refleksi atau pantulan ini merupakan suatu idea yang mana ianya hasil daripada gambaran yang dibuat apabila menerima rangsangan daripada salah satu daripada pancaindera kita yang lima tersebut. Apabila minda seseorang beroperasi dalam erti kata lain menggambarkan sesuatu dengan menggunakan kuasa minda itu sendiri, ia akan dikatakan sebagai sumber asal kepada ilmu pengetahuan. Justeru itu, dalam kajiannya mengenai minda manusia, beliau akhirnya mendapati bahawa keupayaan yang utama bagi kebijaksanaan seseorang individu itu adalah bergantung kepada minda yang mereka miliki. Minda yang baik adalah minda yang dapat menerima rangsangan yang dibuat melalui pancaindera dan gambaran terhadap sesuatu perkara dan minda yang kurang bijak adalah sebaliknya.

Selain itu, Gottfried Wilhelm Leibniz juga menyatakan bahawa minda manusia itu sebenarnya mempunyai sifat dan tabiat semulajadi. Sifat dan tabiat semulajadi yang dimaksudkan di sini adalah minda yang berfikir dikatakan akan membuat persepsi terhadap sesuatu perkara dan fikiran yang lahir dari minda tersebut merupakan sesuatu yang sememangnya telah diketahui. Sebagai contoh, seseorang individu yang mempunyai idea mengenai otak manusia, bukan sahaja membuat tanggapan bahawa mereka tahu tentang otak manusia tetapi juga mengetahui bahagian-

bahagian yang terdapat pada otak tersebut. Maksudnya di sini, setiap minda yang dimiliki oleh seseorang individu tersebut telah pun mempunyai imej tertentu terhadap sesuatu benda atau perkara.

### Bab 3

#### Perbezaan di antara Pendapat Tokoh Falsafah Barat Moden dengan Tokoh Falsafah Islam Mengenai Minda Manusia

##### 3.0 Pengenalan

Bab ketiga ini menghuraikan perbezaan di antara pendapat tokoh-tokoh Rationalisme dan ahli falsafah Islam mengenai minda manusia. Selain itu, ia juga menjelaskan tentang perbezaan minda manusia yang selaras dengan sains dan teknologi masa kini dan minda manusia dari sudut pandangan Islam.

##### 3.1 Perbezaan di antara Pendapat Tokoh Rationalisme dan Tokoh Islam Mengenai Minda Manusia

###### 3.1.1 Tokoh Falsafah Barat Moden (Rationalisme)

Bagi ahli falsafah barat moden terdapat banyak pendapat yang diberikan mengenai minda manusia seperti mana yang telah dijelaskan di dalam bab yang terdahulu. Jika sebelum ini, kita hanya melihat kepada pendapat dua orang tokoh falsafah barat moden iaitu Rene Descartes dan Gottfried Wilhelm Leibniz, sekarang kita lihat pula pendapat tokoh lain dan membezakannya dengan pendapat yang telah diberikan oleh ahli falsafah Islam. Sebagai contoh, seorang ahli fizik yang terkenal di abad ke 17 yang mana beliau merupakan scorang yang berbangsa Inggeris, Robert Fludd, telah menyatakan bahawa pada diri manusia itu terdapat tiga benda yang saling berhubung kait antara satu sama lain iaitu intelek, imaginasi dan citarasa pancaindera (*sensation*) (Falsafah Minda,2000). Beliau juga menyatakan bahawa minda juga boleh difahami sebagai suatu bentuk tenaga atau kekuatan yang terdapat di dalam diri manusia, sama ada ianya berbentuk jiwa atau roh (*soul*) ataupun ianya berbentuk jasad atau raga (*body*) manusia.

Selain itu, terdapat pelbagai pendapat lagi mengenai minda manusia seperti minda merupakan sesuatu yang kompleks yang mana ianya cukup susah untuk dikaji dan difahami. Ada pendapat yang menyatakan minda itu berbentuk zat dan ada pula yang menyatakan minda itu sebagai suatu tenaga atau sejenis kuasa (*energy or force*).

Selain pengertian mengenai minda, ahli falsafah barat moden juga ada mengemukakan pendapat mengenai hubungan antara minda dan roh (*mind and soul*). Ada pendapat yang menyatakan bahawa minda dan roh adalah suatu benda yang sama dan ada yang menyatakan sebaliknya. Sebahagian pendapat lain menyatakan bahawa minda adalah sebahagian daripada roh dan pendapat lain menyatakan setiap makhluk mempunyai kedua-duanya sekali iaitu minda dan roh.